

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2021 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan pengukuhan kedudukan mahkamah syariah untuk dipertingkat menjadi 4 hierarki iaitu Mahkamah Persekutuan Syariah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Usaha-usaha untuk mempertingkatkan hierarki Mahkamah Syariah daripada 3 peringkat yang sedia ada telah dimulakan semenjak tahun 2009 apabila Jemaah Menteri pada 23 Disember 2009 telah memberi persetujuan kepada Memorandum Daripada YAB Perdana Menteri (Memorandum No. 6 : No.975/2673/2009) bagi mewujudkan Mahkamah Rayuan Khas Syariah di negeri-negeri dan pelaksanaannya tertakluk kepada hasil rumusan perbincangan antara Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dengan Jabatan Peguam Negara (JPN), Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA) serta Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

2. Pada 22 Ogos 2011, semasa Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia ("MKI") Kali Ke-52, Jabatan Peguam Negara telah membentangkan Kertas Cadangan Menaik Taraf Mahkamah Syariah. Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal

Ugama Islam (MKI) Kali Ke-52 bersetuju dengan cadangan pewujudan Majlis Rayuan Syariah (MRS) dan Mahkamah Tengah Syariah (MTGS), menaik taraf kedudukan Mahkamah Tinggi Syariah (MTS), penstrukturan semula Mahkamah Rayuan Syariah Negeri (MRSN) dan menaik taraf Hakim-Hakim Mahkamah Syariah. Cadangan ini disembah maklum untuk memohon pertimbangan dan perkenan Majlis Raja-Raja.

4. Usaha-usaha ini masih lagi berterusan bagi mendapatkan pandangan dan persetujuan daripada pihak berkuasa negeri-negeri kerana Mahkamah Syariah adalah terletak di bawah bidangkuasa KDYMM Seri Paduka Yang Di-Pertuan Agong/Sultan/Raja setiap negeri berdasarkan Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan.

5. Di peringkat Wilayah Persekutuan, kerajaan bersetuju dengan cadangan untuk mempertingkatkan hierarki Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan (MSWP) bagi menambah peluang kepada pihak-pihak untuk menyemak dan merayu kes-kes yang telah diputuskan di peringkat Mahkamah Rayuan Syariah seperti di Mahkamah Utama Syariah Negeri Perak. Cadangan ini perlu mengambilkira unjuran kewangan kerajaan dan dasar-dasar perjawatan perkhidmatan awam yang sedia ada kerana ianya melibatkan pewujudan/pertambahan perjawatan yang sudah tentunya melibatkan kos kewangan.

6. Bagi tujuan tersebut juga, kerajaan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia telah menubuhkan satu jawatankuasa untuk menggubal draf RUU Akta Mahkamah Syariah Wilayah-Wilayah Persekutuan yang baru dan tersendiri seperti Enakmen Mahkamah Syariah Negeri Perak 2018. Jawatankuasa tersebut telah bermesyuarat sebanyak 5 kali. Setakat ini, penggubalan draf RUU ini hampir selesai dan akan dikemukakan kepada Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan Sivil untuk pertimbangan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.